



22 DEC, 2020

## SHMMP Krismas 2020 perlu dipatuhi: KPDNHEP

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# SHMMP Krismas 2020 perlu dipatuhi: KPDNHEP

**SARIKEI:** Sebanyak 18 jenis barangan telah ditentukan dan disenaraikan pada harga maksimum bagi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2020.

Ketua Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Cawangan Sarikei Mohamad Zawawi berkata, SHMMP Krismas 2020 akan bermula 22 Disember 2020 hingga 31 Disember 2020 iaitu selama 10 hari.

“Antara barangan tersebut pada harga runcit ialah ayam hidup RM7.80 sekilogram (/kg), ayam standard (RM9/kg), ayam super (RM9.50/kg), ayam tua hidup (RM7.90), ayam belanda import (RM30/kg), kepak ayam (RM13/kg), daging kambing tempatan bertulang, daging kambing atau biri-biri import bertulang (RM31/kg), telur ayam Gred A (RM0.39 sebiji), telur ayam Gred B (RM0.38 sebiji), telur ayam Gred C (RM0.37 sebiji), lada benggala hijau (RM15/kg), tomat (RM7/kg), kubis bulat import (RM4/kg), lobak merah (RM5.50/kg), ubi kentang import China (RM3.50/kg), daging babi (perut) (RM19.50/kg) dan daging babi (daging dan lemak) (RM18.50/kg).

“Tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan skim ini di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011,” kata Mohamad dalam kenyataan kepada media di sini, semalam.

Menurut Mohamad, bagi membendung kenaikan harga tidak munasabah oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab, tindakan pengeluaran notis di bawah Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 akan dilaksanakan ke atas mana-



**PANTAU:** Pegawai KPDNHEP Cawangan Sarikei mengedarkan maklumat berkaitan SHMMP Krismas 2020 di sekitar Sarikei, semalam.

mana pihak yang didapati menaikkan harga barangan bagi mengaut keuntungan yang tidak munasabah dan boleh dikenakan penalti.

Selain itu katanya, kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal, individu boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000 dan syarikat boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000.

“Pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Cawangan Sarikei akan sentiasa berada di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai membeli-belah seperti pasar awam, pasar tani, pasar raya dan kedai runcit untuk menjalankan pemeriksaan dan pemantauan termasuk di kawasan bandar dan luar bandar.

“Langkah-langkah ini

adalah usaha berterusan bagi melindungi pengguna daripada aktiviti pengambilan keuntungan yang berlebihan oleh peniaga-peniaga yang tidak beretika semasa musim perayaan.

“Pihak kita turut meningkatkan pemantauan harga melalui pegawai pemantau harga yang menjalankan pemantauan harga barang keperluan asas di seluruh bahagian Sarikei,” tegas Mohamad.

Tambahnya, jika didapati ada peniaga yang tidak mematuhi undang-undang berkenaan dengan skim ini, aduan boleh disalurkan kepada kementerian melalui talian hotline kementerian di 1-800-886-800 atau portal e-aduan kpdnhep di <http://e-aduan.kpdnhep.gov.my> atau di talian WhatsApp 019-2794317 atau hadir sendiri di mana-mana pejabat kementerian berhampiran supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.



22 DEC, 2020

## SHMMP Krismas 2020 perlu dipatuhi: KPDNHEP

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

SARIKEI: Sebanyak 18 jenis barangan telah ditentukan dan disenaraikan pada harga maksimum bagi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2020. Ketua Cawangan Kem e n t e r i a n Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Cawangan Sarikei Mohamad Zawawi berkata, SHMMP Krismas 2020 akan bermula 22 Disember 2020 hingga 31 Disember 2020 iaitu selama 10 hari."Antara barangan tersebut pada harga runcit ialah ayam hidup RM7.